



10 AUG, 2025

Cabaran peras ugut Amerika

Sinar Harian, Malaysia



Cabaran peras ugut Amerika



ASAM
PEDAS

A KADIR JASIN

Dalam perkembangan terbaru perang dagang pentadbiran Trump terhadap dunia, Malaysia telah akur dengan berikrar akan mengimport dan melabur AS\$242.56 bilion (kira-kira RM1.02 trilion) dalam tempoh 10 tahun.

Demikian Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz memberitahu Parlimen.

Dalam bahasa yang mudah, Kerajaan Madani telah tunduk kepada ancaman tarif timbal balik (*reciprocal tariff*) Amerika itu. Komitmen trilion ringgit itu adalah sebagai balasan kepada persetujuan Presiden Trump mengenakan 19 peratus tarif ke atas import dari Malaysia.

Mula-mula tidak ada tarif itu. Mengikut perjanjian dua hala dan perjanjian antarabangsa, kita umumnya membayar cukai antara lima hingga lapan peratus.

Tetapi setelah menjadi Presiden Amerika buat kali kedua pada 20 Januari

lalu, Trump mengenakan tarif itu secara sebelah pihak ke atas semua negara di dunia bagi mengatasi masalah imbalan perdagangan negaranya. Amerika mengimport lebih banyak daripada meng-eksport.

Langkah yang diumumkan oleh Kerajaan Madani itu adalah bagi merapatkan atau menghapuskan terus jurang perdagangan antara Malaysia dan Amerika yang kini memihak kepada kita.

Misalnya, tahun lalu Malaysia meng-eksport AS\$52.5 bilion ke Amerika tetapi mengimport AS\$27.7 bilion. Ini menyebabkan Amerika menderita kekurangan perdagangan sebanyak AS\$24.8 bilion.

Sekarang Amerika mahu Malaysia membeli lebih banyak daripadanya atau ia akan mengurangkan pembelian daripada Malaysia dengan mengenakan cukai timbal balik 19 peratus ke atas barang-barang buatan kita.

Bukan salah kita. Kita mengeluarkan barang-barang yang diperlukan oleh dunia, termasuk Amerika, dengan piawai-an dan harga yang kompetitif.

Persoalannya sekarang, adakah realistik atau mampu oleh Malaysia membelanjakan RM1.02 trilion (RM1,020,000,000,000) bagi memenuhi peras ugut dagang Trump itu?

Kita ini cotet jika dibandingkan dengan Amerika. Tahun lalu, ekonomi Amerika,

menurut Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bernilai AS\$29.185 trilion dan di-ramalkan naik kepada AS\$30.507 trilion tahun ini berbanding ekonomi kita yang bernilai AS\$421.97 bilion.

Jumlah komitmen yang Tengku Zafrul sebutkan itu bagaimanapun, bukanlah daripada kerajaan semata-mata. Ia turut merangkumi pembelian dan pelaburan oleh swasta.

Antara butirannya adalah AS\$150 bilion pembelian barang-barang keluaran Amerika oleh syarikat-syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia dalam bidang seperti semikonduktor, aeroudara, dan pusat data dalam tempoh lima tahun.

AS\$70 bilion pelaburan Malaysia di Amerika dalam tempoh 10 tahun. AS\$19 bilion pembelian pesawat Boeing oleh Malaysia Aviation Group (MAG). AS\$3.4 bilion setahun pembelian gas asli cecair (LNG) oleh Petronas, AS\$42.6 million setahun pembelian arang batu oleh Tenaga Nasional Berhad dan AS\$119 million pembelian kelengkapan telekomunikasi oleh Telekom Malaysia Berhad.

Komitmen besar Kerajaan Madani ini mengingatkan saya kepada ikrar bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Abdul Razak, untuk membantu memperkukuhkan ekonomi Amerika pada tahun 2017.

Tujuh bulan kemudian, dalam Pilihan Raya Umum 2018, Mohd Najib kalah kepada Tun Dr Mahathir Mohamad yang memimpin Pakatan Harapan (PH). Trump pula kalah Pilihan Raya Presiden Amerika.

Dalam menangani isu tarif timbal balik Amerika ini, terdapat kecenderungan untuk memutar-belit fakta untuk tujuan politik. Tetapi akhirnya Kerajaan Madani terpaksa akur kepada fakta apabila didedahkan.

Contohnya, Tengku Zafrul mengaku yang pembelian pesawat Boeing oleh MAG bukan tindakan tergesa-gesa di bawah tekanan tarif tetapi keputusan yang sudah dibuat lebih awal.

Kesimpulannya, bala tarif timbal balik pentadbiran Trump ini akan menekan ekonomi kita dan ekonomi dunia sekurang-kurangnya untuk lima tahun lagi iaitu selagi Trump menjadi Presiden. Beliau akan terus menggunakan tarif sebagai senjata peras ugut peringkat antarabangsa.

Sebagai ekonomi kecil dan terbuka, kita akan menanggung beban tindakan Amerika itu melainkan satu dunia berpakat memboikot perdagangan dengannya.

Amerika di bawah Trump telah menjadi negara ganas (*rogue nation*) yang mengamalkan peras ugut ekonomi dan perdagangan secara terang-terangan.

* Datuk A Kadir Jasin ialah Tokoh Wartawan Negara